

P.U. (A) 8/2008

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(MEKANISME PENSTABILAN HARGA) 2008**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Ketidakpakaian seksyen 98, 175, 176 dan 188 Akta
4. Pengurus penstabilan dan tanggungjawab
5. Syarat bagi tindakan penstabilan
6. Sekatan atas tindakan penstabilan
7. Tempoh penstabilan
8. Pemberhentian tindakan penstabilan
9. Pendedahan tindakan penstabilan
10. Daftar tindakan penstabilan
11. Penstabilan luar negara

JADUAL

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (MEKANISME PENSTABILAN HARGA) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 98(4)(e), seksyen 180 dan subseksyen 188(5) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- 1.** (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008**.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 11 Januari 2008.

Tafsiran

- 2.** Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“harga penstabilan”, berhubung dengan mana-mana sekuriti yang berkaitan, ertiya harga yang dinyatakan dalam Jadual yang padanya apa-apa tindakan penstabilan boleh diambil;

“harga penstabilan awal” ertiya harga yang padanya pengurus penstabilan mengambil apa-apa tindakan penstabilan awal;

“harga terbitan” ertiya harga institusi yang ditawarkan dalam tawaran awal awam;

“pengurus penstabilan” ertiya seseorang yang dilantik di bawah subperaturan 4(1) untuk menjalankan tindakan penstabilan bagi pihak penerbit;

“sekuriti yang berkaitan” ertinya sekuriti ekuiti yang disenaraikan di papan utama suatu bursa saham;

“tarikh tutup”, berhubung dengan suatu tawaran, ertinya tarikh yang dinyatakan dalam prospektus sebagai tarikh akhir bagi penyerahan permohonan untuk langganan atau pembelian saham yang ditawarkan;

“tawaran” ertinya suatu tawaran untuk langganan atau pembelian saham bersama dengan penyenaraian saham itu di suatu bursa saham, atau di suatu bursa saham dan suatu bursa saham luar negara, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika saham itu tidak disenaraikan terlebih dahulu di mana-mana bursa saham atau bursa saham luar negara;

“tawaran yang berkaitan” ertinya suatu tawaran untuk membeli saham yang berkenaan dengannya mana-mana tindakan penstabilan diambil;

“tempoh penstabilan” ertinya tempoh yang ditakrifkan dalam peraturan 7;

“tindakan penstabilan” ertinya apa-apa tindakan yang dilakukan oleh pengurus penstabilan menurut peraturan 4.

Ketidakpakaian seksyen 98, 175, 176 dan 188 Akta

3. Tertakluk kepada peruntukan Peraturan-Peraturan ini—

- (a) subseksyen 98(1) Akta tidak terpakai bagi apa-apa jualan sekuriti hasil daripada apa-apa tindakan pengumpukan lebihan yang diambil oleh pengurus penstabilan; dan

- (b) seksyen 175, 176 atau 188 Akta tidak terpakai bagi apa-apa tindakan penstabilan yang diambil oleh pengurus penstabilan.

Pengurus penstabilan dan tanggungjawab

4. (1) Penerbit suatu tawaran hendaklah melantik suatu pengurus penstabilan untuk melakukan apa-apa tindakan penstabilan bagi pihak dirinya dan hendaklah memastikan bahawa—

- (a) pelantikan itu dibuat secara bertulis; dan
- (b) bursa saham yang padanya saham itu disenaraikan atau dimaksudkan untuk disenaraikan, dimaklumkan mengenai perlantikan itu sebelum tarikh tutup tawaran itu.

(2) Pengurus penstabilan boleh mengambil semua atau mana-mana tindakan yang berikut berkenaan dengan apa-apa sekuriti yang berkaitan semasa tempoh penstabilan—

- (a) membeli apa-apa sekuriti yang berkaitan; atau
- (b) menawarkan atau cuba untuk melakukan apa-apa saja yang berhubung dengan pembelian itu,

bagi satu-satunya maksud untuk menghalang atau meminimumkan apa-apa pengurangan pada harga pasaran sekuriti yang berkaitan itu.

(3) Pengurus penstabilan—

- (a) hendaklah mengambil tindakan penstabilan hanya selepas dia semunasabahnya berpuas hati bahawa harga sekuriti yang berkaitan itu tidak palsu atau mengelirukan; dan
- (b) hendaklah meneruskan tindakan penstabilan hanya selepas dia semunasabahnya berpuas hati bahawa harga sekuriti yang berkaitan itu tidak menjadi palsu atau mengelirukan atas apa-apa sebab selain tindakan penstabilan.

(4) Tiada bida boleh dibuat atau transaksi dilaksanakan dalam penjalanan apa-apa tindakan penstabilan berkenaan dengan mana-mana tawaran yang berkaitan kecuali oleh pengurus penstabilan.

(5) Tiada tindakan penstabilan boleh diambil berkenaan dengan suatu tawaran sekuriti yang berkaitan pada suatu harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditentukan dalam ruang kedua Jadual atau yang sama nilainya dalam suatu mata wang asing berdasarkan kadar pertukaran yang berkaitan sebaik sebelum setiap tindakan penstabilan, di bawah hal keadaan yang bersamaan dengan harga itu dalam ruang pertama Jadual.

Syarat bagi tindakan penstabilan

5. Apa-apa tindakan penstabilan hanya boleh diambil berkenaan dengan tawaran awal awam mengikut syarat yang berikut:

- (a) saham itu dimaksudkan untuk disenaraikan di bursa saham atau di kedua-dua bursa saham dan suatu bursa di luar Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) jumlah nilai saham yang ditawarkan tidak kurang daripada satu ratus lima puluh juta ringgit;
- (c) tawaran itu akan menjadi atau telah menjadi subjek suatu prospektus yang mengandungi peruntukan bagi suatu opsyen pengumpukan lebihan yang tidak melebihi lima belas peratus daripada jumlah bilangan saham yang ditawarkan untuk langganan atau pembelian pada tawaran awal awam itu sebelum mana-mana pengumpukan lebihan;
- (d) prospektus menyatakan—
 - (i) bahawa tindakan penstabilan itu boleh diambil berkenaan dengan saham itu;

- (ii) tempoh maksimum yang dalamnya tindakan penstabilan boleh diambil;
 - (iii) bilangan saham yang merupakan subjek suatu opsyen pengumpukan lebihan, jika terpakai; dan
 - (iv) bilangan saham yang pengurus penstabilan boleh membeli untuk melakukan tindakan penstabilan, yang tidak melebihi bilangan saham yang dinyatakan dalam perenggan (c); dan
- (e) tawaran itu adalah dalam bentuk tunai dan akan, sedang atau telah, dibuat pada harga tertentu yang dinyatakan perlu dibayar dalam apa-apa matawang.

Sekatan atas tindakan penstabilan

6. Pengurus penstabilan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan penstabilan berkenaan dengan sekuriti yang berkaitan jika—

- (a) pengurus penstabilan atau sekutunya mempunyai, berkaitan dengan tawaran yang berhubungan dengan sekuriti yang berkaitan, suatu opsyen atau hak lain untuk membeli atau melanggan sekuriti yang berkaitan itu; dan
- (b) opsyen atau hak itu boleh dijalankan atau bergantung kepadanya semasa tempoh penstabilan,

melainkan jika kewujudan dan terma utama opsyen atau hak itu telah dizahirkan dalam prospektus.

Tempoh penstabilan

7. Tempoh penstabilan bagi mana-mana tindakan penstabilan adalah tiga puluh hari kalender bermula dari hari dagangan yang pertama bursa saham sekuriti yang berkaitan.

Pemberhentian tindakan penstabilan

8. Walau apa pun peraturan 7, tiada tindakan penstabilan boleh berkuat kuasa selepas tarikh apabila pengurus penstabilan telah membeli, sama ada di bursa saham atau bursa di luar Malaysia atau kedua-duanya, jumlah bilangan sekuriti yang berkaitan yang pengurus penstabilan boleh membeli untuk mengambil tindakan penstabilan sebagaimana yang dinyatakan dalam prospektus.

Pendedahan tindakan penstabilan

9. (1) Suatu pengumuman awam hendaklah dibuat, melalui bursa saham yang padanya saham disenaraikan atau dimaksudkan untuk disenaraikan, pada hari urusan bursa itu sejurus selepas tarikh tutup tawaran itu, menyatakan—

- (a) bahawa saham itu boleh tertakluk kepada tindakan penstabilan;
- (b) tempoh maksimum yang dalamnya tindakan penstabilan boleh diambil;
- (c) bilangan saham yang merupakan subjek opsyen pengumpukan lebihan, jika terpakai; dan
- (d) bilangan saham yang pengurus penstabilan boleh membeli untuk melakukan tindakan penstabilan, yang tidak melebihi bilangan yang dinyatakan dalam perenggan 5(c).

(2) Jika, menurut apa-apa tindakan penstabilan, suatu transaksi untuk membeli mana-mana sekuriti yang berkaitan telah dibuat, pengurus penstabilan hendaklah membuat pengumuman awam melalui bursa bilangan dan julat harga sekuriti yang berkaitan yang dibeli oleh pengurus penstabilan, tidak lewat daripada pukul dua belas tengahari pada hari dagangan yang pertama bursa itu sebaik selepas hari yang padanya transaksi itu dibuat.

(3) Pengurus penstabilan hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas berakhirnya tempoh penstabilan, membuat pengumuman awam melalui bursa

mengenai pemberhentian tindakan penstabilan itu dan pengumuman itu hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) tarikh akhir tempoh penstabilan;
- (b) sama ada atau tidak apa-apa tindakan penstabilan telah diambil;
- (c) jika terdapat lebih daripada satu pembelian semasa penjalanan tindakan penstabilan, julat harga yang di antaranya pembelian telah dibuat;
- (d) jika terpakai, tarikh pembelian terakhir semasa penjalanan tindakan penstabilan dan harga yang padanya ia dibuat;
- (e) jika terpakai, setakat mana-mana opsyen pengumpukan lebihan telah dijalankan; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang boleh ditentukan oleh bursa saham.

Daftar tindakan penstabilan

10. (1) Pengurus penstabilan hendaklah—

- (a) mewujudkan dan menyenggara suatu daftar tindakan penstabilan dalam bentuk dan cara yang dikehendaki oleh bursa saham atau suatu bursa di luar Malaysia; dan
- (b) merekodkan dalam daftar itu butir-butir setiap tindakan penstabilan dan memberikan maklumat yang ditentukan dalam kaedah-kaedah bursa saham atau bursa di luar Malaysia , mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penstabilan di luar Malaysia

11. (1) Mana-mana orang yang, di tempat di luar Malaysia, melakukan apa-apa aktiviti berkenaan dengan apa-apa sekuriti yang berkaitan bagi maksud menghalang atau meminimumkan apa-apa pengurangan pada harga pasaran sekuriti yang berkaitan yang didagangkan di suatu bursa saham di luar Malaysia, hendaklah dianggap melakukan amalan itu dengan mematuhi Peraturan-Peraturan ini jika —

- (a) penyenaraian sekuriti yang berkaitan telah diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 212 Akta; dan
- (b) aktiviti itu dijalankan selaras dengan kehendak yang sebanding atau sama dengan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL
(Peraturan 2)
Harga maksimum bagi tindakan penstabilan

	(1) Masa atau hal keadaan tindakan	(2) Harga maksimum
1.	Tindakan penstabilan awal	Harga terbitan
2.	Selepas tindakan penstabilan awal, jika terdapat transaksi yang dibuat pada harga lebih daripada harga penstabilan awal di bursa saham atau bursa di luar Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh pembeli bebas	Harga terbitan, atau harga yang padanya transaksi telah dilakukan oleh pembeli bebas di bursa saham atau bursa di luar Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mana lebih rendah
3.	Selepas tindakan penstabilan awal, jika tiada urusan atau transaksi sebagaimana yang dijelaskan dalam butiran 2	Harga penstabilan awal

Dibuat 2 Januari 2008
[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1; PN(PU²)662/II]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua